

Misi cari sutradara
intelektual

Oleh Serimah Mohd

Sallehuddin

bhnews@bharian.com.my

BAGI menjana generasi kreatif, Festival Filem & Video Pelajar Malaysia ke-6 (FFVPM 6) diteruskan lagi tahun ini agar dapat melahirkan lebih ramai sutradara dari golongan intelektual.

Kemuncak FFVPM di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) itu akan berlangsung dari 8 hingga 10 Januari tahun depan. Tahun ini, Universiti Putra Malaysia (UPM) dipertanggungjawab menganjurkan acara berkenaan. Lima penyertaan terbaik bagi kategori filem dan dokumentari sudah pun dipilih sejak dibuka pada 8 September lalu.

Ketua Penyertaan dan Penjurian, Dr Muhamad Sham Shahkat Ali, berkata tahun ini UPM memperkenalkan sistem baru kepada FFVPM sebagai kelainan dengan memperkenalkan Super Pitch.

Super Pitch adalah proses di mana peserta perlu membentangkan kertas cadangan mengenai filem atau dokumentari yang ingin dihasilkan terlebih dulu sebelum penggambaran dimulakan. Berbeza dengan penganjuran festival itu sebelum ini, di mana setiap peserta hanya perlu menghantar hasil produksi yang sudah siap.

Menerusi Super Pitch, peserta hanya perlu membentangkan kertas kerja maupun story board di hadapan juri

FFVPM6 berlangsung 8 hingga 10 Januari tahun depan

profesional iaitu Profesor Madya Dr Asiah Sarji; personaliti TV3, Zainal Ariffin Ismail; wakil dari Primeworks Studio, Shahila Harun Shah; penerbit dokumentari, Zaki Abd Rahim; pengarah urusan radio 24, Letfee Ahmad dan Presiden Persatuan Pekerja-Pekerja Filem Malaysia (PPFM), Syed Mohammad Hassan Benyahya.

Pemilihan lima karya filem pendek dan dokumentari terbaik sudah pun dibuat pada 8 November yang lalu. Hampir 100 penyertaan bagi kategori filem/video pendek dipilih dan 69 penyertaan lagi untuk kategori dokumentari.

Lima IPTA dan IPTS yang terpilih ialah Lim Kok Wing, Universiti Tengku Abdul Rahman (UTAR), Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Melaka, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (Aswara) dan UPM.

“Dalam industri perfilman,

"Dalam industri perfileman, pitching atau pembentangan kini memainkan peranan yang penting. Kami mahu mereka lebih bersedia sebelum melangkah ke industri yang sebenar. Dalam proses pitching, setiap peserta diberikan masa lebih kurang 10 hingga 15 minit untuk membentangkan kertas cadangan. Hasil kerja mereka dinilai berdasarkan sinopsis, olahan, pemilihan watak, tema, kesesuaian tajuk dan kandungan serta citra budaya.

"Kami yakin mereka mampu buat yang terbaik dan berharap supaya festival seperti ini mampu melahirkan idea yang bukan saja kreatif tetapi juga melahirkan sutradara dari golongan intelektual," katanya.

Lima finalis yang terpilih bagi kategori filem/video pendek dan juga dokumentari itu diberi tempoh sebulan untuk menjalankan penggambaran tajuk yang mereka cadangkan. Mereka dibekalkan dengan sebuah perakam video tajaan Panasonic dan juga wang tunai RM2,500 untuk kategori filem dan video serta RM2,000 untuk dokumentari.

Tahun ini juga, FFVPM 6 turut memperkenalkan beberapa kategori baru iaitu Pengarah Video Pendek Terbaik, Pelakon Lelaki dan Wanita Terbaik serta Pelakon Pembantu Lelaki dan Wanita Terbaik.



Dalam industri profileman, pitching atau pembentangan kini memainkan peranan yang penting. Kami mahu mereka lebih bersedia sebelum melangkah ke industri yang sebenar"

**Dr Muhamad
Sham Shahkat Ali**
*Ketua Penyertaan dan
Penjurian*



KETUA lima kumpulan yang berjaya bersama wakil UPM, Dr Megat Al Imran Yassin (dua dari kiri) penaja dan wakil dari Finas, Abd Khalid Maulod (lima dari kiri).